

## Penyerahan Penerbitan keluaran jabatan-jabatan Kementerian Kesihatan

Dimaklumkan kepada Dato'/Datin/Tuan/Puan sekali lagi bahawa semua penerbitan jabatan Kementerian Kesihatan hendaklah diserahkan kepada Pusat Penyerahan Penerbitan KKM di Perpustakaan, Institut Penyelidikan Perubatan.

Adalah penting mengumpul dan mendokumentasikan semua bahan terbitan KKM untuk kegunaan rujukan dan penyelidikan pada masa kini dan akan datang.

Dato'/Datin/Tuan/Puan bertanggungjawab untuk menyerahkan lima naskah semua bahan penerbitan dari jabatan masing-masing (rujuk Surat Pekililing Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Bil.2 Tahun 1992)

Sekian.

Saya yang menurut perintah

(TAN SRI DATO'(DR) ABU BAKAR SULEIMAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

### **SURAT PEKILILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

### **BIL.3 TAHUN 1996 PENERBITAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

#### **1. Tujuan**

Surat Pekililing ini bertujuan memastikan semua penerbitan yang dikeluarkan oleh jabatan-jabatan Kementerian Kesihatan diberi nombor pengelasan yang bersesuaian.

#### **2. Latarbelakang**

Pada masa kini jabatan-jabatan Kementerian Kesihatan mengeluarkan penerbitan-penerbitan yang mengandungi maklumat penting.

Walaubagaimanapun kebanyakannya penerbitan dihasilkan tanpa mengambil kira tentang kualiti. Bilangan naskah terhad dikeluarkan dan diedarkan mengikut kehendak penerbit. Penerbitan-penerbitan ini tidak sampai ke Pusat Penyerahan Kemenjawatian Kesihatan dan Perpustakaan, Institut

Penyelidikan Perubatan) dan sukar untuk mendapatkan kembali penerbitan tersebut walaupun dalam jangka masa singkat.

### 3. Tindakan

Setiap penerbitan jabatan-jabatan Kementerian Kesihatan mesti dinomborkan mengikut jadual yang ditetapkan di Surat Pekililing ini.

#### 3.1 Nombor pengelasan

Nombor pengelasan adalah terdiri dari kementerian, program, jabatan, nombor siri, tahun dan jenis penerbitan.

**3.11 Pengelasan pertama** bagi setiap penerbitan Kementerian Kesihatan ialah: MOH

**3.12 Pengelasan kedua** hendaklah menunjukkan Program:

P bagi Perubatan

K bagi Kesihatan

S bagisokongan

T bagi Pentadbiran

**3.13 Pengelasan ketiga** menunjukkan bahagian/jabatan/institusi yang bertanggungjawab mengeluarkan penerbitan seperti berikut:

KEW bagi semua jabatan di bawah Bahagian Kewangan

TAD bagi semua jabatan di bawah Pentadbiran

KHI bagi semua jabatan di bawah Perkhidmatan

PEL bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Perlis

KED bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Kedah

PP bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Pulau Pinang

PK bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Perak

SEL bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Selangor

WP bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Perak

NS bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Sembilan

MEL bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Melaka

JOH bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Johor

PAH bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Pahang

TRE bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Trengganu

KEL bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Kelantan

SAB bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabathn Kesihatan Negri Sabah

SAR bagi semua jabatan dan hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negri Sarawak

HKL bagi Hospital Kuala Lumpur

GIG bagi Bahagian Pengarah Pergigian

EPI bagi Unit Epidemiologi & Kawalan Penyakit

DID bagi Unit Pendidekan Kesihatan

MAK bagi Unit Kawalan Mutu Makan

ASA bagi Unit Penjagaan Kesihatan Asas & Pembangunan Keluarga

PAK bagi Unit Pembangunan Perkhidmatan & Kepakaran

AMA bagi Unit Amalan Perubatan & Piawaian

FAR bagi Bahagian Farmasi

JUR bagi Bahagian Juruteraan

RAN bagi Bahagian Perancangan & Pembangunan

IMR bagi Institut Penyelidikan Perubatan

IKU bagi Institut Kesihatan Umum

3.14 Pengelasan keempat menunjukkan nombor bersiri bagi semua perkhidmatan keluaran bahagian/jabatan/institusi yang tersebut di atas. Nombor bersiri ini tidak merupakan kod jika nombor perkhidmatan adalah

setahun, tetapi mengambil kira jumlah penerbitan sejak sistem pengelasan ini dimulakan.

**3.15 Pengelasan kelima** menunjukkan tahun penerbitan:

contoh 96 bagi 1996

01 bagi 2001

**3.16 Pengelasan keenam** menunjukkan jenis penerbitan, dan hendaklah dalam

parentesis:

(CL) bagi surat-surat pekiliing

(GU) bagi garispanduan

(BK) bagi buku dan monograf

(HB) bagi buku panduan

(PR) bagi presiding mesyuarat, persidangan dan bengkel

(AR) bagi laporan tahunan

(QAP) bagi kawalan mutu perkhidmatan

(ISO) bagi terbitan IS09000

(RR) bagi laporan penyelidikan

(PT) bagi risalah

(IL) bagi ilustrasi (seperti bahan-bahan pendekatan kesihatan)

(JL) bagi jurnal (yang dikeluarkan dalam jangkamasa tetap)

(BUL) ba.i buletin (yang dikeluarkan dalam jangkamasa tetap)

(VR) bagi rakaman video, rakam suara dan filem

(SL) bagi selaid dan transparensi

(MF) bagi mikrofilem dan n-iikrofis

(CO) bagi perisian dan fail komputer

**3.17 Contoh**

Laporan Tahunan 1997

MOH/P/HKL/25.98(AR)

Perkhidmatan Pemindahan Darah

*Laporan ini dibanggar*

Hospital Kuala Lumpur

*penerbitait ke-25*

*HKL sejak sistem ini dimulai,  
dan dikeluarkan dalam tahun  
1998*

The Hospital Kuala Lumpur  
Journal of Medicine  
vol. 1, no. 1, January 1998

MOH/P/HKL/26.98(JL)

*isu jurnal ini dikeluarkan  
berturutan selepas laporan  
tahunan di atas*

Berita Ubat-ubatan  
vol. 11, no.4, 1997  
Biro Kawalan Farmaseutikal  
Kebangsaan  
Monograph Ubat no. 140, 2000  
Biro Kawalan Farmaseutikal  
Kebangsaan)

MOIFSIFAR/10.97(BUL)

*buletin, ini dianggap keluarnt  
ke-10 Biro*

Buletin Hospital Queen Elizabeth.  
Jilid 1, 2002

MOH/S/FAR/46.00(BK)

*monograf ini dianggap  
keluaran ke-46 Biro*

MOH/P/SAB/22.02(BUL)

*buletin ini dianggap keluaran  
ke-22 Jabatan Kesihatan Sabah*

### **3.2 Kedudukan nombor pengelasan**

Nombor pengelasan hendaklah dipamerkan dengan jelas di sudut atas sebelah kanan mukasurat depan setiap penerbitan. Bagi penerbitan yan. dikeluarkan secara professional, (berkulit tebal) pengelasan hendaklah dipamerkan di sudut atas sebelah kanan mukasurat pertama (mukasurat tajuk).

### **4. Kenyataan Edaran**

Penyataan edaran hendaklah ditunjukkan di bawah nombor pengelasan, seperti berikut:

**EDARAN: UMUM**

**EDARAN: TERHAD**

**SULIT**

## 5. Saiz

Ukuran penerbitan keluaran dalaman (in-house) hendaklah dalam saiz A4. Ukuran penerbitan yang dikeluarkan secara professional hendaklah diputuskan oleh jabatan berkenaan. Walaubagaimanapun saiz yang menjimatkan kos hendaklah dipilih.

## 6. Cara mendapatkan Nombor Pengelasan Penerbitan

Semua jabatan Kementerian Kesihatan diwajibkan mendapatkan Nombor Pengelasan Penerbitan dari Perpustakaan, Institut Penyelidikan Perubatan sebelum mengeluarkan apa juar penerbitan.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI DATO(DR) ABU BAKAR SULEIMAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia